



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi & Kepenggunaan



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA



HARI

Pemerbadanan Syarikat

Bercirikan:

- Interaksi satu-kaunter
- Penyeteman Memorandum & Artikel di SSM
- Pembelian buku-buku statutori, sijil saham dan meterai syarikat boleh dilakukan di kaunter SSM/laman web SSM
- Pewujudan kaunter advitori pemerbadanan untuk membantu proses pemerbadanan

JAM

Pendaftaran Perniagaan

Rakyat Didahulukan
Pencapaian Diutamakan

Untuk maklumat lanjut sila hubungi 03-22995500 atau layari www.ssm.com.my



UCAPTAMA KPE DI
SIMPOSIUM
JENAYAH EKONOMI
KE-29 CAMBRIDGE



ARTIS & SSM

**DULU KULI,
SEKARANG BOS**



**PERNIAGAAN
KASUT**

SSM MENDEKATI RAKYAT

nota pengarang



“Syukur dengan apa yang ada.”

02
Itulah yang bermain-main di kotak fikiran saya apabila melihat kehidupan orang asli di Gerik, Perak ketika mengikuti Program Komuniti Drumming dan Gotong-royong di Penempatan Orang Asli anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) baru-baru ini.

Melihat kepada kehidupan mereka yang serba kekurangan dari segi tempat tinggal, pakaian dan juga makanan membuat hati saya tersentuh. Lebih menyedihkan apabila melihat kehidupan anak-anak mereka yang mungkin tidak dapat merasa kesenangan seperti mana yang dirasakan oleh golongan kanak-kanak seusia mereka.

Pada pengamatan saya, kesenangan itu adalah perkara yang kedua atau ketiga dalam kehidupan mereka. Apa yang paling penting dalam hidup mereka ialah cukuplah ada orang lain prihatin yang mahu membantu mereka. Ini jelas terbukti pada riak wajah mereka apabila menerima kehadiran rombongan kami dengan senyuman dan gelak tawa.

Program yang berlangsung bermula 30 Oktober sehingga 2 September 2011 itu turut melibatkan Yang Berhormat Dato' Tan Lian Hoe, Timbalan Menteri PDNKK yang sanggup turun padang untuk mendekati rakyat dan memahami permasalahan mereka. Pada masa yang sama melalui program tersebut pihak KPDNKK dan agensi di bawahnya turut melibatkan diri bergotong-royong membersihkan kawasan kediaman mereka. Bagi saya, penglibatan dalam program sebegini sungguh menyeronokkan! Program yang berbentuk Tanggungjawab Korporat sebegini merupakan satu program yang seharusnya dilakukan oleh semua pihak bagi menunjukkan keprihatinan kita terhadap golongan yang memerlukan.

Sebagai sebuah organisasi korporat, SSM tidak terkecuali menyertai program sebegini dan insyallah akan terus melakukan program yang berbentuk kebajikan pada masa yang akan datang.

Satu lagi program yang saya sertai dan boleh dikatakan menarik yang mana ia bertujuan membantu masyarakat Orang Asli ini ialah Program Perasmian Penubuhan Koperasi Orang Asli Peringkat Negeri Pahang di Rancangan Penempatan Semula Perkampungan Orang Asli di Pos Iskandar, Bera Pahang pada 10 Oktober 2011 lalu. Program perasmian yang disempurnakan oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Menteri PDNKK tersebut diharap dapat membantu masyarakat berkenaan untuk terus berdaya maju terutamanya dalam bidang perniagaan.

Menyentuh tentang isi kandungan buletin kali ini, fokus sidang redaksi pengarang agak berbeza dengan dua keluaran sebelum ini. Kali ini isu yang diketengahkan ialah tentang betapa agresifnya SSM turun padang melalui “Program SSM Mendekati Rakyat” yang diadakan di Sarawak dan Sabah pada bulan Julai lalu. Program sebegini mendapat perhatian Yang Berhormat Menteri PDNKK sendiri apabila turun padang bersama-sama SSM untuk merasmikan kedua-dua program berkenaan. Dalam ucapan beliau puan, beliau menegaskan program sebegini adalah merupakan satu program yang bagus dan harus diberi pujian kerana ia seiring dengan matlamat kerajaan yang mahukan setiap kementerian dan agensi di bawahnya memberikan perkhidmatan awam terbaik kepada rakyat.

Selain itu, untuk keluaran kali ini juga kami mengetengahkan pengiktirafan yang diberi oleh dunia apabila SSM dijemput kali kedua oleh ‘*Centre for International Documentation on Economic and Organised Crime (CIDOEC)*’ yang beroperasi di University Cambridge, United Kingdom untuk memberi ucap tahniah dan tiga kertas pembentangan berkaitan tadbir urus korporat, kawalan dalaman dan isu-isu berkaitan penguatkuasaan dan kawal selia korporat.

Seperti biasa, dalam buletin SSM ini banyak maklumat dan artikel yang menarik untuk dibaca. Tetapi apa yang lebih menarik ialah terdapat satu lagi ruangan baru diwujudkan iaitu ruangan tokoh atau selebriti yang mempunyai perniagaan. Dalam ruangan ini, SSM cuba menyingkap tentang kehidupan mereka yang telah berjaya dalam perniagaan dan bagaimana mereka memulakan perniagaan terutamanya ketika berurusan dengan SSM.

Kami percaya dengan artikel sebegini ia boleh menggalakkan orang ramai untuk berkecimpung dalam bidang perniagaan.

Jadi jangan lepaskan peluang membaca buletin SSM kali ini.

Selamat membaca!

Zahrah Abd. Wahab Fenner

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perkhidmatan)



Gambar kenangan bersama anak-anak orang asli di Gerik, Perak



BULETIN

Bil 3 Tahun 2011

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF SSM

Dato' Azmi Bin Ariffin
azmiariffin@ssm.com.my

KETUA PENGARANG

TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Zahrah Abd. Wahab Fenner
zahrah@ssm.com.my

PENGARANG / PENYELARAS PENERBITAN

Shahren Yusri
shahren@ssm.com.my

PENGARANG

Suzana Mohd Razali
suzana@ssm.com.my

KETUA EDITOR

Wan Zarazillah Wan Abu Bakar
wanzarazillah@ssm.com.my

PENOLONG KETUA EDITOR

Mohammad Arif Nizam Abdullah
arifnizam@ssm.com.my

PENULIS / PENYUMBANG BAHAN

Shahren Yusri
Mohammad Arif Nizam Abdullah

JURUGAMBAR

Wan Indera Luthfi Wan Abu Bakar
Mohd Haini Eszuandi Zainoren

PENGUMPUL MAKLUMAT

Zubaidah Yusof
Mohd Rafique Kosnin

PENGEDARAN

Hairul Adhar Ramli
Mohd Haini Eszuandi Zainoren

KANDUNGAN



Ucuptama KPE di
Simposium Jenayah Ekonomi ^{ms05}
ke-29 Cambridge

ARTIS & SSM ^{ms12}

Tahukah ^{anda? ms17}

SSM ^{mendekati ms18} RAKYAT

Tips ^{berguna ms24}

santai Minda ^{ms25}

Direktori ^{ms27}

Peristiwa ^{bergambar ms28}

Kemudahan ^{untuk ms32} disewa

SIMPOSIUM JENAYAH EKONOMI KE-29 CAMBRIDGE

JESUS COLLEGE, UNIVERSITY OF CAMBRIDGE UK.

Oleh Habsah Dinin
(Dipetik daripada akhbar Berita Harian)

05

USAHA Malaysia memperkenalkan 'Ikrar Integriti Korporat' (CIP) bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih bertanggungjawab dan telus dijangka akan mempertingkatkan integriti dan amalan bebas rasuah di kalangan komuniti korporat di Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Dato' Azmi Ariffin, berkata inisiatif ini dilakukan dengan kerjasama SSM sendiri, Institut Integriti Malaysia, Bursa Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Unit Koordinasi dan Kawal Selia Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), *Transparency International* dan Unit Penyampaian dan Pengurusan Prestasi di Pejabat Perdana Menteri.

Semua badan itu adalah anggota Meja Bulat, 'Ikrar Integriti Korporat.'

Azmi menjelaskan CIP membolehkan syarikat dan perniagaan di Malaysia membuat pengisytiharan

unilateral untuk tidak terbabit dengan rasuah dan melaksanakan Prinsip Anti Rasuah baik dalam urusan perniagaan mahupun ketika berinteraksi dengan rakan kongsi perniagaan dan kerajaan.

Katanya, Prinsip Anti Rasuah tersebut mengandungi lima prinsip utama iaitu menggalakkan nilai integriti, ketelusan dan tadbir urus yang baik; serta pengukuhan sistem dalaman yang menyokong pencegahan rasuah.

"Semua prinsip itu bukan pada niat saja, tetapi adalah komitmen syarikat dan perniagaan yang berikrar melaksanakannya."

"Ia seterusnya menghasilkan sistem eko korporat dan bisnes yang diteraskan dengan nilai integriti, ketelusan, tanggungjawab, tadbir urus terbaik serta rasuah sifar," katanya ketika berucap pada simposium tersebut, 6 September lalu. Kali ini merupakan tahun kedua SSM dijemput menyampaikan ucapnama dan pembentangan kertas kerja berkaitan tadbir urus korporat, kawalan

dalam dan isu-isu berkaitan penguatkuasaan dan kawal selia korporat.



Prinsip Anti Rasuah tersebut mengandungi lima prinsip utama iaitu menggalakkan nilai integriti, ketelusan dan tadbir urus yang baik; serta pengukuhan sistem dalaman yang menyokong pencegahan rasuah.



Selain Azmi, Pengarah Bahagian Pembangunan Polisi dan Korporat SSM, Nor Azimah Abdul Aziz turut membentangkan kertas kerjanya berjudul *'Managing Corporate Risk and Achieving Internal Control Through Statutory Compliance'* manakala Pengarah Bahagian Siasatan SSM, Aznorashiq Mohamed Zin pula membentangkan kertas kerja bertajuk *'A Malaysian Perspective: Civil Liability Against Banks and Financial Institutions Pursuant to Investigation and Prosecution Under Anti Money Laundering and Anti Terrorism Financing Act 2001'* dan *'A Malaysian Perspective: Parallel Proceedings Undertaken by Companies Commission Malaysia 'Philosophies and Case Study'* di simposium yang sama. Ini adalah kali kedua, Malaysia menerusi SSM dijemput untuk menyampaikan kertas kerja di Simposium tersebut.

Ujar Azmi lagi, buat masa ini semua anggota Meja Bulat Ikrar Integriti Korporat menganjurkan banyak aktiviti menggalakkan syarikat dan perniagaan untuk menandatangani ikrar serta membangunkan sistem integriti korporat.

"Bagi membolehkan syarikat atau entiti perniagaan beroperasi dengan penuh tanggungjawab dan telus, ia perlu disokong dengan tadbir urus yang baik, integriti tinggi dan rasuah sifar. Ini menyekat peluang penipuan, penyalahgunaan dan lain-lain kesalahan berkaitan jenayah," katanya lagi.

Beliau menegaskan, persekitaran sihat seperti ini sangat penting untuk mengurangkan risiko ancaman terhadap ketelusan pelaporan kewangan dan tatacara pengurusan syarikat yang berkait rapat dengan pertumbuhan sektor ekonomi negara.

Menurut Azmi, satu lagi bidang yang diberi perhatian ialah skim kepentingan yang menyalahi undang-undang.



Dato' Azmi Ariffin

Melalui pemerhatian SSM, terdapat beberapa jenis skim kepentingan yang menyalahi undang-undang ditawarkan. Ia terbahagi kepada dua kategori iaitu skim tidak berdaftar dan skim kepentingan membabitkan aktiviti yang menyalahi undang-undang.

"Skim kepentingan yang menyalahi undang-undang tumbuh seperti cendawan di seluruh negara, biarpun kempen keprihatinan untuk orang ramai dibuat besar-besaran sebagai langkah SSM menyekat pertumbuhannya.

"Pada 2010 saja, SSM menerima 214 aduan dengan 62 peratus adalah skim pelaburan menyalahi undang-undang. Masalah diburukkan lagi oleh sikap pelabur yang tamak dan mudah ditipu dengan janji pulangan keuntungan yang cepat serta jumlah wang yang banyak," katanya.

Merujuk kepada kes penipuan skim pelaburan membabitkan penternakan komersial burung walet baru-baru ini, beliau memberitahu, antara tindakan SSM ialah mendapatkan injunksi mahkamah bagi menghalang syarikat itu daripada terus menawarkan pelaburan.

Katanya, syarikat yang mula beroperasi pada November 2008 itu memberi jaminan memberikan

“...pendekatan bersepadu adalah kunci untuk mengurangkan jenayah kolar putih secara universal.”

pulangan kepada pelabur dengan skim pelaburan sarang burung.

“Dengan injuksi mahkamah, syarikat tersebut dikehendaki mendaftar surat ikatan amanah dengan SSM sebelum meneruskan operasi perniagaan mereka,” tambahnya.

Sementara itu, beberapa kes yang mendapat perhatian baru-baru ini ialah skim pembiakan lintah membabitkan sekurang-kurangnya 71 pelabur dengan jumlah pelaburan dianggarkan RM5 juta; serta satu lagi skim penternakan cacing tanah yang membabitkan 3,000 pelabur yang kehilangan lebih RM25 juta wang pelaburan mereka.

Selain skim kepentingan menyalahi undang-undang, satu lagi fenomena negatif yang mendapat banyak perhatian akhir-akhir ini di Malaysia adalah skim Kumpulan Wang Kutu.

Pada 2010 SSM mendedahkan bahawa aktiviti skim dana kutu membabitkan kira-kira 100,000 peserta yang berjumlah RM33 juta.

Penganjur skim kutu ketika ini menggunakan pelbagai saluran internet untuk menyebarkan skim yang meragukan ini. SSM mendapati banyak laman web, blog dan forum dicipta penganjur, yang mendakwa sebagai syarikat tulen untuk mendapatkan dana orang ramai serta menjanjikan pulangan besar untuk simpanan mereka.

Menyedari keperluan melindungi orang awam daripada skim penipuan yang berkaitan dengan skim perniagaan wang kutu, pindaan kepada Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 telah dicadangkan.

Antara cadangan yang dikemukakan oleh SSM ialah meminda hukuman akta berkenaan iaitu dengan menaikkan denda maksimum daripada

RM5,000 kepada RM500,000 dan mengenakan hukuman penjara daripada 3 tahun kepada 10 tahun. Rang undang-undang pindaan tersebut telah dibentangkan di Parlimen pada Mac 2011 dan telah diluluskan pada pertengahan Jun 2011 lalu.

“Sebagai bukti pendirian kerajaan untuk membasmi perangkap skim perniagaan wang kutu ini, hukuman penjara terhadap pesalah ditingkatkan kepada maksimum 10 tahun, berbanding dengan hanya tiga tahun sebelum ini,” katanya.

Hasil kajian SSM menunjukkan bahawa pada 2010 itu ada 12 kes membabitkan pelanggaran seksyen 3 Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971.

Azmi memberitahu, SSM sebagai badan kawal selia yang mengawal pendaftaran syarikat dan perniagaan di negara ini, juga sedang meningkatkan usaha bagi mengurus masalah jenayah kolar putih.

Pada 9 Mac 2010, Kabinet menubuhkan satu jawatankuasa kerja dan pasukan petugas di bawah nama ‘Jawatankuasa Khas Bersama Bagi Menangani Jenayah Kolar Putih’ bagi memerangi jenayah kolar putih sekali gus membina keyakinan kepada pelabur tempatan dan asing.

“Skim kepentingan yang menyalahi undang-undang tumbuh seperti cendawan...”

Jawatankuasa ini dianggotai oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Jabatan Siasatan Jenayah Komersil PDRM (JSJK), Suruhanjaya Sekuriti (SC), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Jawatankuasa ini berfungsi menggalakkan penyelarasan tugas antara agensi-agensi terbabit untuk mengelakkan pertindihan dalam tindakan penyiasatan.

SSM juga mengadakan mesyuarat tetap dengan pelbagai pengawal selia untuk melihat kes individu korporat dan etika perniagaan bagi membuat

keputusan secara kolektif jika mana-mana penipuan atau salah laku yang berlaku. Platform baru ini akan mempercepatkan proses membuat keputusan dan pendakwaan undang-undang.

Bagi setiap syarikat atau perniagaan di bawah penelitian pasukan petugas yang akhirnya memulakan prosiding, masa yang diambil oleh mahkamah untuk mencapai satu penyelesaian bergantung pada kes terbabit. Bagaimanapun, secara amnya tempoh masa penyelesaian sesuatu kes akan dipercepatkan dalam tempoh tiga hingga enam bulan.

Jenayah kolar putih menyalahgunakan sumber kewangan yang besar, menyumbang kepada ketidakstabilan pasaran. Walaupun banyak telah dilakukan untuk meningkatkan kesedaran tentang tadbir urus korporat di seluruh dunia, realitinya adalah masih ada kelemahan utama yang membolehkan jenayah-jenayah ini untuk kekal dan tidak dapat dikesan.”

“Kami amat percaya bahawa pendekatan bersepadu adalah kunci untuk mengurangkan jenayah kolar putih secara universal.

“Tanggungjawab ini perlu dikongsi di kalangan semua agensi-agensi kerajaan, syarikat swasta dan awam, industri merentasi semua kategori dan orang awam,” katanya.

AWAS!

08



Jenayah kolar putih kian meningkat,
hukuman keras menanti pesalah.

RINGKASAN PEMBENTANGAN

BAJET 2012

Antara faedah yang telah disediakan bagi golongan usahawan:

- Peruntukan pembangunan: Sektor ekonomi: RM29.8 bilion, Sektor Sosial: RM13.6 bilion, Sektor Keselamatan: RM4.4 bilion, Pentadbiran Am RM1.4 bilion & Simpanan Luar Jangka: RM2 bilion.
- Dana Mudahcara perkongsian awam-swasta (PPP) – RM2.5 bilion dan RM300 juta untuk usahawan bumiputera.
- Dana *SME Revitalisation Fund* berjumlah RM100 juta kepada usahawan berwibawa untuk membangunkan semula perniagaan.
- Program Jejak Inovasi bagi menggalakkan pencetusan idea baru.
- Memperkenalkan Anugerah Cipta 1Malaysia.
- Tabung Khas Pembinaan, Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah – RM1 bilion.
- Potongan cukai kepada penderma program persekolahan (individu & syarikat).
- Mewujudkan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) sebagai pusat integrasi perkhidmatan – perluasan di Kedah, Johor, Sabah & Sarawak.
- Projek Lonjakan Mega Luar Bandar di 6,500 hektar kawasan Projek Agropolitan seluruh negara (RM110 juta).
- Memperbanyakkan program ladang kontrak. Seramai 4,500 usahawan tani dijangka mendapat manfaat.
- Perluasan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) meliputi keperluan harian pengguna pada harga sehingga 40% lebih rendah.
- Membuka unit Agrobazaar Kedai Rakyat di seluruh negara.
- Bantuan kepada pemilik teksi bajet persendirian (termasuk pemilik kereta sewa persendirian) dijangka mendapat manfaat kira-kira RM7,560 bagi setiap pemilik.
- Amanah Ikhtiar Malaysia akan menyediakan RM2.1 billion kepada usahawan dalam bentuk pembiayaan pinjaman.
- Penubuan syarikat modal teroka milik Kerajaan *MyCreative Venture Capital* yang bertanggungjawab menggalakkan penglibatan golongan muda menerokai bidang industri kreatif – dana permulaan RM200 juta.

1 Malaysia

Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan



HADIAH YANG TERBAIK
IALAH
SEKUNTUM
SENYUMAN



SENTIASA MEMBERI LAYANAN
DENGAN SENYUMAN





SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

PENGENALAN PEKERJA BARU

(Kemasukan dari bulan Julai hingga Oktober 2011)



**WAN ZAINUDDIN BIN MAHMUD @
WAN MAHMUD**
GRED 50
BAHAGIAN PERKHIDMATAN
PENDAFTARAN

MUHAMMAD NASRIZAL BIN SAIDIN
GRED 50
NEGERI PULAU PINANG



MUHAMMAD FAIZ BIN TUMIRAN
GRED 50
BAHAGIAN PEMATUHAN

RUSHDAN BIN RUSDI
GRED 47
NEGERI SEMBILAN



MUHAMMAD NAZRIN BIN YUSOFF
GRED 47
NEGERI TERENGGANU

MEOR MOHD AZRI BIN HAMDY
GRED 47
NEGERI PERAK

11

NOR HIDAYAH BINTI ABDUL LATIF
GRED 47
NEGERI SELANGOR

ABDUL HALIM BIN ABDUL RAHIM
GRED 47
NEGERI JOHOR

MOHD RIDZUAN BIN RAMLI
GRED 47
NEGERI JOHOR

NORWIRDAH BALQIS BINTI AB RAZAK
GRED 47
NEGERI JOHOR



ROSYAM NOR

DULU KULI

SEKARANG BOS

Oleh Mohammad Arif Nizam Abdullah
arifnizam@ssm.com.my

SIAPA sangka kira-kira 27 tahun lalu, anak muda ini hanya sibuk di lokasi penggambaran drama dengan menyediakan minuman kepada pelakon dan krew lain.

Apatah lagi bergelar budak suruhan, dia ibarat kuli yang terpaksa mengikut arahan orang sekeliling dan sering kali dimarahi biarpun hanya kerana kesalahan kecil seperti air minuman yang disediakan sedikit tawar.

Namun, semua pengalaman yang dilalui oleh lelaki itu menjadikannya lebih kuat untuk menghadapi hari mendatang selain menimba ilmu hidup sebagai bekalan dalam diri. Hari ini, aktor bernama Rosyam Nor ini sudah menginjak ke usia 44 tahun. Apa yang mengagumkan, dia bukan sahaja setakat bergelar pelakon popular, tetapi dia juga penerbit drama dan filem apabila memiliki syarikat produksi Suhan Movies Trading selain syarikat Anak Biah Sudin Sdn. Bhd.

Malah pelakon filem Libas dan Castello ini juga kini merupakan seorang usahawan yang semakin sibuk dengan pelbagai cabang perniagaan lain.

Kata bapa kepada empat orang anak perempuan ini, hanya satu rahsia yang dipegang sampai ke hari ini hingga berjaya menjadi seorang bos.

“Sejak masuk dalam dunia lakonan pada usia 17 tahun, apa kerja yang saya lakukan mestilah jujur, bertanggungjawab dan ikhlas kerana Allah SWT. Saya percaya rezeki datang daripada Allah SWT dan ia akan berkembang.”

“Justeru, kita sebagai manusia tidak boleh lupa diri kerana hak-hak mereka yang memerlukan terdapat pada rezeki besar kita yang diberikan Allah SWT,” katanya merendah diri.

Bagaimanapun, anak kelahiran Kampung Kerinchi, Kuala Lumpur ini menafikan bahawa dia sudahpun bergelar jutawan.

Rosyam menjelaskan, dia bukan sahaja belum boleh digelar jutawan, sebaliknya seorang usahawan baru yang berdepan beban hutang.

“Saya belum kaya raya lagi. Belum boleh dipanggil jutawan atau hartawan, tetapi seorang ‘hutangman’ (orang yang banyak berhutang).”


“Saya banyak berhutang dengan bank untuk menjalankan perniagaan-perniagaan saya itu. Tiada sebab untuk saya ‘besar kepala’.”

SSM MAKIN EFISIEN

“Apatah lagi untuk sombong dengan orang lain kerana siapalah saya untuk sombong. Saya masih Rosyam Nor yang dulu,” katanya yang yakin Pilih Kasih musim ketiga terbitannya itu lebih baik berbanding musim sebelumnya.

Ditanya cabaran menguruskan syarikat produksi, Rosyam menegaskan, modal kerja dan kepercayaan orang ramai menjadi faktor utama sama ada perniagaannya mampu pergi jauh.

“Bila sudah ada modal, cabaran seterusnya bagaimana hendak melaksanakan kerja itu hingga mampu memuaskan hati semua pihak. Sekiranya saya gagal dengan projek pertama, sudah pasti saya berdepan kesukaran untuk mendapat projek kedua dan ketiga,” katanya serius.



Mengulas perkhidmatan yang disediakan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Rosyam memuji inisiatif yang diperkenalkan seperti penyediaan kaunter bergerak SSM di seluruh negara.

Jelasnya, kekangan waktu dan faktor lokasi jauh bukan lagi alasan untuk peniaga untuk tidak memohon atau memperbaharui lesen perniagaan mereka. Tindakan mengadakan kaunter bergerak telah memudahkan orang ramai berurusan dengan agensi kerajaan tersebut.

“Peniaga tidak perlu meninggalkan perniagaan semata-mata mahu berurusan dengan SSM sebaliknya agensi kerajaan sanggup datang kepada peniaga untuk memudahkan aktiviti harian mereka.”

“Peniaga boleh berniaga seperti biasa dan pada masa sama mereka boleh berurusan di kaunter itu sebelum kembali meniaga seperti biasa,” katanya.

Rosyam juga menyambut baik perkhidmatan itu kerana peniaga tidak perlu pergi ke pusat bandar untuk berurusan dengan SSM dan secara tidak langsung dapat menjimatkan wang dan waktu peniaga.

Pada masa sama jelasnya, dia mengakui tidak pernah berdepan masalah ketika berurusan dengan SSM.

“Peniaga yang ada masalah sebenarnya mereka yang cari masalah sendiri. Kalau dokumen pendaftaran perniagaan tidak cukup seperti yang disyaratkan, macam mana SSM hendak proses borang mereka dengan segera,” katanya ketawa.

DUNIA KASUT

Oleh Mohammad Arif Nizam Abdullah
arifnizam@ssm.com.my

NEELOFA

14

BERMULA sekadar suka-suka, aktris yang semakin popular Neelofa atau lebih mesra dengan panggilan 'Lofa', kini boleh tersenyum bangga apabila perniagaan kasut tumit tinggi yang diceburinya sejak awal tahun lalu sudah berkembang maju.

Memandangkan prospek perniagaan yang besar, pelakon yang nama sebenarnya, Noor Neelofa Mohd. Noor, 22, itu tidak teragak-agak untuk menubuhkan sebuah syarikat yang dikenali Neelofa Sdn. Bhd pada awal September lalu.

Jelas heroin filem Azura 2011 itu, dia berhasrat menceburi bidang perniagaan secara serius setelah sebelum ini Lofa hanya berniaga secara talian menerusi blognya iaitu www.neelofaheels.blogspot.com di internet.

Bagi membuktikan kata-katanya, pelakon yang mempunyai ketinggian 158 sentimeter itu berkata, dia telah pun mendaftar jenama Neelofa dengan

MyIPO selain kini giat melakukan penjenamaan semula terhadap rekaan dan konsep produk kasutnya.

“Sebelum ini, semua produk kasut saya di import dari Korea Selatan. Tetapi sempena penubuhan syarikat Neelofa Sdn. Bhd., saya terpaksa merahsiakan dulu nama negara lain untuk stok terbaru kasut saya.

“Semuanya semata-mata strategi perniagaan saya dalam usaha memberi kejutan kepada kaum wanita yang meminati kasut tumit tinggi sebelum pelancaran syarikat saya yang dijangka pada awal tahun depan.

“Walaupun syarikat saya telah melakukan penjenamaan semula, saya memberi jaminan harga kasut jenama Neelofa yang dikeluarkan tidak terlalu mahal iaitu bermula serendah RM150 hingga RM250 sahaja,” katanya kepada Buletin SSM baru-baru ini.



Aura kasut tumit tinggi

Ditanya mengapa kasut yang menjadi pilihan hatinya, wanita kelahiran Pasir Mas, Kelantan itu berkata, perasaan obsesnya terhadap kasut tumit tinggi bermula sejak dari zaman sekolah lagi.

Malah, ketaksubannya semakin menebal apabila menyertai pertandingan Dewi Remaja 2010 dan dinobatkan sebagai juara.

Katanya, selepas pertandingan itu, beliau kerap mendapat undangan mengadakan pertunjukan fesyen atau sesi fotografi, dan sering kali menghadapi masalah untuk mendapatkan kasut yang sesuai dengan pakaiannya.

Apatah lagi menurut Lofa, kerjaya sebagai model dan pelakon memerlukan dia bergaya dengan kasut tumit tinggi agar dia merasa yakin dengan penampilan diri.

“Apabila selalu sangat berdepan masalah mencari kasut yang sesuai dengan pakaian, Lofa mula melayari internet dan akhirnya bertemu dengan satu laman web yang menjual kasut.

“Lofa tertarik dengan rekaan kasut yang yang dijual itu kerana dia diinspirasi untuk selebriti Hollywood. Daripada menjadi pembeli, Lofa terus buat rancangan untuk menjual. Sebab setiap kali pakai kasut, ada kawan-kawan tanya beli di mana dan dari situ jugalah timbul idea untuk Lofa berniaga kasut,” ceritanya sambil ketawa manja.



Pengalaman di SSM

Lofa yang sedang mengikuti pengajian di Kolej Sunway dalam tahun kedua berkata, pengalamannya menubuhkan sebuah syarikat begitu mudah dan tidak serumit yang disangka.

Katanya, dia bersama tiga rakan kongsi hanya mula merancang untuk menubuhkan sebuah syarikat pada awal Ramadan lalu dan menyerahkan semua dokumen kepada setiausaha syarikat.

“Alih-alih, tidak sampai sebulan Lofa sudah ada syarikat sendiri sedangkan sebelum ini Lofa hanya berniaga kecil-kecilan di internet sahaja. Ibarat mimpi jadi kenyataan.”

“Nampaknya hari ini, orang ramai yang ingin mendaftar perniagaan atau menubuhkan syarikat semakin mudah kerana segala-galanya pantas dan mudah di SSM,” katanya dalam nada ceria.

Mengakhiri perbualan, kata Lofa, selepas memiliki syarikat sendiri, dia mula sedar tanggungjawab besar yang dipikulnya selain perlu berdepan pelbagai cabaran di kemudian hari.

Jelasnya, biarpun sibuk dengan kuliah dan karier seni, dia tetap akan memberi fokus 100 peratus terhadap perniagaan kasutnya sebagai jaminan karier di hari tua.

“Kalau nak ikut badan yang letih, memang Lofa kelim-kabut dan dan penat. Tapi ini jalan yang Lofa pilih dan Lofa tidak mahu menoleh ke belakang lagi.”

“Walaupun waktu terbatas, Lofa bertuah kerana mempunyai rakan kongsi yang menguruskan hal berkaitan tempahan kasut dan Lofa sendiri tidak malu untuk buat promosi kasut jenama Neelofa,” katanya bersungguh-sungguh.



Tahukah
anda..?



Beberapa kes telah dilaporkan di mana terdapat individu-individu tertentu yang menyamar sebagai pegawai SSM mengunjungi premis perniagaan dan memaklumkan sedang menjalankan pemeriksaan.




Setiap pegawai SSM yang datang membuat pemeriksaan di premis perniagaan perlu membawa kad kuasa yang mengandungi nama, nombor kad pengenalan dan gambar, pelantikan dan pemberian kuasa sebagai Penolong Pendaftar Syarikat dan Penolong Pendaftar Perniagaan, nama Pendaftar Syarikat/Perniagaan yang memberikan kuasa dan nombor siri kad kuasa serta tarikh ia dikeluarkan.



Sekiranya ada kemusykilan mengenai pegawai SSM yang membuat pemeriksaan, orang ramai boleh merujuk ke SSM melalui:

03-2299 5500
enquiry@ssm.com.my





PROGRAM SSM MENDEKATI RAKYAT

SSM semakin agresif; Redah Negeri Kenyalang dan Negeri di Bawah Bayu beri perkhidmatan terbaik.

“Auk... nang sik pandei lelah”

Itu dalam bahasa Melayu Sarawak. Maksudnya ialah “Ya, memang tidak mengira erti penat lelah.”

Begitulah gambaran terhadap Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang kini semakin agresif turun padang untuk mendekati rakyat dalam usaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada mereka melalui Program SSM Mendekati Rakyat (PSMR).



19

Gembira! Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob Menteri PDNKK bersama-sama YB Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Abang Haji Openg, Menteri Perumahan & Pembangunan Bandar Negeri Sarawak dan YB Datuk Haji Fadillah Bin Haji Yusof, Timbalan Menteri MOSTI menghadiri Program SSM Mendekati Rakyat di Kuching Sarawak pada 16 Julai 2011.

Selepas menempah kejayaan menganjurkan PSMR di Bera, Pahang pada April 2011, SSM tidak menunggu lama untuk mengadakan satu lagi program yang sama yang lebih besar dan luas skopnya. Kali ini, SSM berkunjung ke Negeri Kenyalang, Sarawak dan Negeri di Bawah Bayu, Sabah membawa PSMR ke sana.

Ini menunjukkan SSM benar-benar komited mendekati rakyat tanpa mengira masa dan waktu walaupun terpaksa merentasi laut China Selatan.

Menyentuh tentang PSMR di Kuching, Sarawak, suasananya bagaikan sebuah karnival apabila lebih 3,000 orang membanjiri perkarangan padang futsal, Kampung No. 6 Satok Kuching di sana.

Manakala di Sabah, PSMR diadakan di Kimanis juga mendapat sambutan ramai apabila lebih 5,000 orang berkunjung ke sana.

Melalui kedua-dua tersebut, SSM mencapai objektifnya iaitu:

Mendekati semua golongan komuniti masyarakat bagi tujuan memberi pemahaman tentang pemerbadanan syarikat. Bagi mencapai matlamat tersebut, sebelum ini, SSM pernah mengadakan beberapa program bersama beberapa golongan komuniti masyarakat seperti golongan penjaja, peniaga, pelajar universiti, usahawan wanita dan kali ini SSM cuba untuk mendekati golongan masyarakat yang segelintir di kalangan mereka mungkin masih kabur tentang keperluan urusan pemerbadanan syarikat.

Mendedahkan dan memberi kesedaran kepada masyarakat Sarawak dan Sabah tentang risiko membuat pelaburan cepat kaya melalui pelbagai skim pelaburan kini yang muncul bak cendawan tumbuh selepas hujan.



20

Sidang Media dari kiri :

Dato' Daud Tahir (TKSU PDNKK), Dato' Azmi Ariffin, YB Dato' Ismail Sabri Yaakob dan YB Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Abang Haji Openg.

Sebagai sebuah agensi pemerbadanan syarikat dan pendaftaran perniagaan, di samping membekalkan maklumat syarikat dan perniagaan kepada awam.

Sebagai peneraju utama ke arah peningkatan tahap tadbir urus korporat, SSM melaksanakan fungsinya mengawalselia pematuhan perundangan korporat dan pendaftaran perniagaan melalui aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan yang komprehensif bagi memastikan perkembangan positif sektor korporat dan perniagaan untuk negara.



YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob merasmikan Program SSM Mendekati Rakyat.

Meriah! Antara masyarakat Kuching yang hadir ke Program SSM Mendekati Rakyat.



YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob berbual dengan orang ramai yang hadir ke Program SSM Mendekati Rakyat.




Bob AF turut memeriahkan program ini.




Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perkhidmatan), Puan Zahrah Abdul Wahab Fenner menyampaikan hadiah kepada pemenang program sukaneka.

SSM akan meneruskan usaha ini dan akan berkunjung ke banyak lagi kawasan dan lokasi dalam tempoh terdekat ini.





MyCoID



Identiti Korporat

Perkongsian Pintar Bersama
Pelbagai Agensi Kerajaan

**Rakyat Didahulukan
Pencapaian Diutamakan**


MyCoID adalah nombor syarikat yang dikeluarkan oleh SSM dan digunakan untuk berurusan di semua agensi berkaitan.

Dengan Kerjasama:



TIPS BERGUNA KEKALKAN PERPADUAN

- Banyakkan bersabar dan berhemah
- Amalkan sikap prihatin dan toleransi
- Elakkan perasaan hasad dan dengki
- Utamakan kebaikan bersama
- Hormat menghormati antara satu sama lain



KATA-KATA HIKMAH

“Kepuasan bukan datang dengan pencapaian, tetapi dengan usaha. Usaha yang gigih adalah kemenangan sebenar”

- Mahatma Gandhi

“Semua perniagaan yang berkekalan dibina atas sebuah persahabatan”

- Alfred A. Montapert

“Kegagalan hanyalah peluang untuk mencuba sekali lagi, cuma kali ini dengan lebih bijak”

- Henry Ford

“Mendekati diri dengan kejujuran bererti menjauhkan diri dari jenayah”

- Allan Pinketron

B	A	N	K	R	A	K	Y	A	T	N	W
A	H	P	Q	N	A	G	N	A	W	A	C
N	A	R	B	H	S	K	M	K	Y	I	I
K	C	P	B	S	N	A	N	U	H	A	T
R	F	O	C	V	G	P	J	R	U	D	I
A	X	R	M	I	T	J	U	C	N	A	R
P	V	A	X	T	M	Y	H	R	J	G	G
B	W	C	Z	B	O	J	S	L	P	D	E
S	A	T	S	P	G	M	Y	C	C	B	T
Z	D	M	K	R	W	L	A	D	L	U	N
I	R	A	I	D	E	M	R	E	T	N	I
G	I	N	Z	K	X	Y	I	K	N	I	U
K	O	S	I	J	Y	I	K	T	Y	C	K
T	B	T	M	K	S	P	A	K	G	E	D
J	R	F	L	O	G	O	T	O	M	F	O
A	J	U	R	U	A	U	D	I	T	U	L

Oleh : Hairul Adhar Bin Ramli

1. Sekiranya pemilik perniagaan telah diisytiharkan perniagaan tersebut perlu ditamatkan
2. Suruhanjaya Persaingan Malaysia dikenali dengan singkatan.....
3. merupakan salah satu Nilai-nilai Korporat SSM
4. Seksyen Korporat bertanggungjawab memproses permohonan dan pembaharuan lesen setiausaha
5. Pemerbadanan kini boleh dilakukan dalam tempoh 1 hari
6. Perbadanan Harta Intelek Malaysia juga dikenali sebagai.....
7. Institusi kewangan di bawah agensi KPDNKK
8. *Corporate Law Reform Committee* ringkasnya.....
9. Penyata dan Penyata Kewangan perlu diserahkan di SSM di bawah seksyen 165 (4) dan 169 (1) Akta Syarikat 1965
10. Ringkasan bagi *United Nations Children's Fund*
11. Iskandar Malaysia secara ringkasnya dikenali sebagai.....
12. Tanggungjawab ialah untuk memastikan Borang 5 diserahkan ke SSM
13. Pemerbadanan Syarikat Berhad Menurut Jaminan (....) adalah di bawah seksyen 24(1) Akta Syarikat 1965
14. Salinan asal Memorandum dan mesti disetemkan RM100.00 setiap satu daripadanya
15. Bayaran Pendaftaran(Borang 34) adalah sebanyak RM300.00
16. Penambahan Pendaftaran perniagaan dikenakan bayaran sebanyak RM5.00 setiap satu
17. Persatuan Institut Akauntan Awam Bertauliah juga dikenali dengan.....
18. Perakuan Pendaftaran Perniagaan kini boleh diperbaharui di mana-mana cawangan di seluruh Malaysia
19. *Office In A Box* merupakan produk yang telah diperkenalkan oleh
20. Kelab & Rekreasi merupakan salah satu Skim Kepentingan yang perlu didaftarkan dengan SSM

KALENDAR PERISTIWA

24 Oktober



Hari PBB

26 Oktober



Hari Deepavali

6 November



Hari Raya Aidiladha

31 Oktober



Halloween

10 Disember



Hari Hak Asasi Manusia PBB

1 Disember



Hari AIDS Sedunia

27 November



Awal Muharram

10 Disember



Gerhana Bulan

25 Disember



Hari Krismas

Direktori

LANGKAWI

Pusat Perkhidmatan Suruhanjaya Syarikat Malaysia
No. 4, Arah Mezzanine, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra, 07000 Langkawi, Kedah.
Tel : 04-966 7943
Faks : 04-966 5318

PERLIS

Tingkat 8, Bangunan KWSP, Jalan Bukit Lagi, 01000 Kangar, Perlis.
Tel : 04-978 1877 / 976 7899 / 977 3182
Faks : 04-977 4758

KEDAH

Tingkat 10, Menara Sentosa, Jalan Tunku Ibrahim, 05621 Alor Setar, Kedah.
Tel : 04-733 0111
Faks : 04-731 5517

PULAU PINANG

Tingkat 6-7, Bangunan KWSP, No. 3009, Off Lebon Tenggori 2, Bandar Seberang Jaya, 13700 Pulau Pinang.
Tel : 04-397 7793
Faks : 04-397 7713

PERAK

Tingkat 2C, Greentown Mall, Jalan Hospital, 30450 Ipoh, Perak.
Tel : 05-241 6900 / 254 7913 / 253 3071
Faks : 05-255 7162

SELANGOR

Lobi, Blok A, Mallis Perbandaran Selangor, 68100 Batu Caves, Selangor.
Tel : 03-6120 2642
Faks : 03-6120 2641

PUTRAJAYA

Kaunter Khidmat Pengguna, Aras G, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Keperluan, (KPDNKK) No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62623 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya.
Tel : 03-8882 6509/6480

IBU PEJABAT - KUALA LUMPUR

Menara SSM@Sentral
No.7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur.
Tel : 03-2299 4400
Faks : 03-2299 4411
Hotline : 03-2299 5500
E-mel : enquiry@ssm.com.my

NEGERI SEMBILAN

Aras 3, Wisma Perkeso, Lot 3757 & 52 Jalan Sungai Ujong, 70000 Seremban, Negeri Sembilan.
Tel : 06-761 9098 / 761 5506 / 06-764 1885 / 764 5598
Faks : 06-765 5877

KELANTAN

Tingkat 2, 3 & 4, Kota Sri Muiara, Jalan Sultan Yahya Petra, 15150 Kota Bharu, Kelantan.
Tel : 09-748 2860 / 748 4599
Faks : 09-744 7622 / 747 2607

TERENGGANU

Tingkat 6-7, Menara Yayasan Islam, Jalan Sultan Omar, 20300 Kuala Terengganu, Terengganu.
Tel : 09-623 7170 / 623 7127
Faks : 09-623 0945 / 623 7172

PAHANG

Lot 202-216, Tingkat 2, Block B, Kuantan Centre Point, Jalan Haji Abdul Rahman, 25000 Kuantan, Pahang.
Tel : 09-516 4866 / 516 4600
Faks : 09-516 1889 / 516 3316

TEMERLOH

No. 15 & 16, Aras Bawah, Jalan Ahmad Shah 28000 Temerloh, Pahang, Darul Makmur.
Tel : 09-296 4600/5600
Faks : 09-296 0010

SELANGOR

Tingkat 3 & 4, Plaza Alam Sentral, Jalan Majlis, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor.
Tel : 03-5511 6500 / 5513 9570 / 5513 5997 / 5513 3976
Faks : 03-5510 4200 (Tingkat 3) / 03-5510 6200 (Tingkat 4)

JOHOR

Podium 4B & 5, Menara Ansar, 65 Jalan Trus, 80000 Johor Bahru, Johor.
Tel : 07-223 3589 / 224 4710 / 224 4708
Faks : 07-224 1714 / 224 8169

MUAR

No. 1, Jalan Perdagangan, Off Bulatan Jalan Bakri, 84000 Muar, Johor.
Tel : 06-954 6611 / 954 7711
Faks : 06-954 6600

MELAKA

Aras Bawah Menara MITC, Kompleks MITC, Jalan Konvensyen 75450 Ayer Keroh, Melaka.
Tel : 06-231 1717
Faks : 06-231 3502

SABAH

Tingkat 4, Menara MAA, 6 Lorong Api-Api, Locked Bag 2039, 88999 Kota Kinabalu, Sabah.
Tel : 088-233 551 / 233 346
Faks : 088-237 884

TAWAU

TB 4444, GF & 1st Floor, Block F, Sabindo Square, Jalan Dunlop, 91018 Tawau, Sabah.
Tel : 089-750 585 / 752 585
Faks : 089-754 585

W.P. LABUAN

No. 6A1 & 6A2, Tingkat 6, Block 4, Kompleks Ujana Kewangan, Jalan Merdeka, 87000 Wilayah Persekutuan Labuan.
Tel : 087-414 100
Faks : 087-414 152

MIRI

Aras Bawah, Plaza Yu Lan, 97, Jalan Brooke, 98008 Miri, Sarawak.
Tel : 085-424 777 / 421 117
Faks : 085-422 225

SARAWAK

Tingkat 2 & 3, Wisma STA, 26 Jalan Datuk Abang Abdul Rahim, 93450 Kuching, Sarawak.
Tel : 082-481 499
Faks : 082-334 622

KEKUNCI




PERISTIWA BERGAMBAR

MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN KERJASAMA DI ANTARA SSM, TELEKOM MALAYSIA DAN BANK SIMPANAN NASIONAL, 12 JULAI 2011.



**KURSUS PEMBANGUNAN PENGURUSAN EKSEKUTIF SSM
RAINFOREST RESORT TAMAN NEGARA, PAHANG, 23-26 JULAI 2011.**



**MAJLIS BERBUKA PUASA SSM BERSAMA-SAMA ANAK-ANAK YATIM,
18 OGOS 2011.**



**MAJLIS PERAYAAN HARI RAYA AIDILFITRI SSM,
15 SEPTEMBER 2011.**







BILIK DAN KEMUDAHAN UNTUK DISEWA Menara SSM@SENTRAL

TINGKAT 10 - AUDITORIUM

- 325 pax (Upper & Lower)
- **Sound Reinforcement System**
 - Powered loudspeaker
 - CD recorder system
 - Audio receptacle panel
 - Wireless Mic
 - Vocal Mic
- **Visual Projection System**
 - LCD Projector
 - DVD / CD / MP3 Player
 - Motorized Projector Screen
 - Video / stereo receptacle panel
- **Lighting System**
 - 12 x 2 channel lighting console
 - Motorized curtain system

KADAR* : RM3,000.00



TINGKAT 10 - BILIK ANTARABANGSA

- 67 pax
- **Sound Reinforcement System**
 - 16 input size mixer
 - Wireless handheld mic
 - Powered loudspeaker
 - Audio receptacle panel
- **Visual Projection System**
 - DVD / CD / MP3 player
 - LCD projector
 - Motorized projector screen
 - RGB / Stereo audio receptacle panel

KADAR* : RM1,000.00



TINGKAT 13 - BILIK DEBAT

- 16 pax
- PC Dell Optiplex
- Power & network socket

KADAR* : RM450.00





TINGKAT 13 - BILIK LATIHAN KORPORAT

- 40 pax
- Rostrum
- PC Dell Optiplex
- Telephone (4468)
- Manual Projector Screen
- Glass Board

KADAR* : RM600.00



TINGKAT 13 - BILIK LATIHAN KEWANGAN

- 30 pax
- Manual projector screen
- PC Dell Optiplex
- Telephone
- Power & network socket

KADAR* : RM600.00



TINGKAT 13 - BILIK LATIHAN PERUNDANGAN

- 30 pax
- Manual projector screen
- PC Dell Optiplex
- Telephone
- 9 Rostrum
- Power & network socket

KADAR* : RM600.00



TINGKAT 18 - BILIK SERINDIT

- 36 pax
- Sound Reinforcement System
 - 16 input size mixer
 - Wireless handheld mic
 - Powered loudspeaker
 - Audio receptacle panel
- Visual Projection System
 - DVD / CD / MP3 player / LCD projector
 - Motorized projector screen
 - RGB / Stereo audio receptacle panel
- Conference System
 - Conference mic (delegate 15 unit, chairman 1 unit)
 - Control unit

KADAR* : RM600.00



TINGKAT 18 - BILIK TIONG

- 30 pax
- Telephone
- Glassboard
- Power & network socket

KADAR* : RM450.00

* Kadar penyewaan untuk sepanjang hari bekerja sahaja

TINGKAT 18 - BILIK TEKUKUR

- 10 pax
- Telephone
- Glassboard
- Power & network socket

KADAR* : RM450.00



TINGKAT 18 - BILIK MERBOK

- 10 pax
- Telephone
- Glassboard
- Power & network socket

KADAR* : RM450.00



TINGKAT 18 - BILIK TEMPUA

- 10 pax
- Telephone
- Glassboard
- Power & network socket

KADAR* : RM450.00



TINGKAT 18 - BILIK MERPATI

- 10 pax
- Telephone
- Glassboard
- Power & network socket

KADAR* : RM450.00



TINGKAT 18 - BILIK RAJAWALI

- 10 pax
- Telephone
- Glassboard
- Power & network socket

KADAR* : RM450.00





TINGKAT 18 - BILIK JELATIK

- 12 pax
- Telephone
- Glassboard
- Power & network socket

KADAR* : RM450.00



TINGKAT 18 - BILIK CAMAR

- 8 pax
- Telephone
- Glassboard
- Power & network socket

KADAR* : RM450.00



TINGKAT 18 - BILIK SERBAGUNA

- 60 pax
- Sound Reinforcement System
 - 16 input size mixer
 - Wireless handheld mic
 - Powered loudspeaker
 - Audio receptacle panel
- Visual Projection System
 - DVD / CD / MP3 player / LCD projector
 - Motorized projector screen
 - RGB / Stereo audio receptacle panel

KADAR* : RM1,000.00



TINGKAT 18 - BILIK KEDIDI

- 16 pax
- Telephone
- Glassboard
- Power & network socket

KADAR* : RM450.00



TINGKAT 18 - BILIK MERBAH

- 16 pax
- Telephone
- Glassboard
- Power & network socket

KADAR* : RM450.00

* Kadar penyewaan untuk sepanjang hari berkerja sahaja